

03 OCT 2002

Mahathir-Wang

WANG HARAM DI BANK SWITZERLAND AKAN DIDEHAH, KATA DR MAHATHIR

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sesiapa jua dari negara ini yang terbukti menyembunyikan wang haram dalam sistem perbankan Switzerland akan didedahkan apabila kes berkenaan dibawa ke mahkamah.

Katanya kerajaan tidak ada sebarang halangan jika ada agensi penguatkuasa undang-undang di negara ini mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit dalam perbuatan tersebut.

"Kita bukan nak cari pendedahan, kita nak cari kes. Ini bukan politikal, benda ini kalau cukup bukti ia akan dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, masa itu pendedahan terpaksa dibuat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Ke-3 di Tanjung Kling, dekat sini.

Perdana Menteri ditanya mengenai perkembangan kerjasama antara kerajaan Switzerland dengan pihak berkuasa Malaysia dalam memberi maklumat tentang penyiasatan wang haram dari Malaysia yang disimpan dalam bank di Switzerland.

Jaminan itu diberi oleh Presiden Switzerland Kaspar Villiger kepada Dr Mahathir pada perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu semasa Perdana Menteri melawat negara itu pada Jun lepas.

Kerjasama Switzerland itu diminta oleh Malaysia bagi membantu penyiasatannya terhadap kegiatan jenayah kewangan terutamanya berkaitan kes Perwaja Steel yang dipercayai sebahagian dananya dimasukkan ke dalam bank-bank di Switzerland.

Ketika ditanya sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang menjalankan penyiasatan terhadap kes Perwaja Steel telahpun mendapat maklumat yang diperlukan, Dr Mahathir berkata agensi itu telah mengadakan perhubungan dengan pihak Switzerland.

Bagaimanapun Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau belum mendapat maklumat terakhir daripada BPR berhubung kes itu.

"Bila saya balik (dari Switzerland) dulu saya tanya mereka (BPR), mereka kata mereka sudah ada perhubungan. Apa penemuan mereka, saya belum tahu lagi dan mereka tak perlu maklum kepada saya," katanya.

Ditanya sama ada benar siasatan terhadap aktiviti jenayah kewangan itu turut membabitkan beberapa orang Malaysia yang lain dan tidak terhad kepada kes Perwaja Steel, Dr Mahathir berkata:

"Tak apa, kita tak akan berasa takut. Akaun siapa pun kalau ada yang salah, kalau dapat didedahkan, sila," kata beliau.

Persetujuan kerajaan Switzerland untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam penyiasatan terhadap kegiatan jenayah kewangan dicapai pada perbincangan mesyuarat delegasi Malaysia-Switzerland semasa lawatan Perdana Menteri ke Switzerland.

Pada sidang media selepas mesyuarat delegasi di Bern pada Jun lepas, Dr Mahathir dilaporkan berkata kerajaan Switzerland menjelaskan bahawa kerjasama seumpama itu tidak akan menjejaskan peraturan kerahsiaan akta perbankan negara itu dan mereka tidak akan menyokong sebarang penggunaan jenayah dalam sistem perbankan Switzerland.

Beliau juga dilaporkan berkata kerajaan Switzerland memberi jaminan bahawa dana yang diperoleh secara haram tidak terikat dengan undang-undang perbankan negara tersebut.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO

